



## Soalan Untuk Perbincangan Tentang Pedati Dharma

---

*Berikut merupakan beberapa soalan yang dapat membantu anda meneroka pelbagai tema dan isu yang terkandung di dalam cerpen ini secara persendirian mahupun dalam kumpulan perbincangan.*

1. Berapakah umur Palaniappan dalam cerita ini semasa beliau menjual kain kepada Jamal?
2. Palaniappan perlu membuat keputusan sama ada untuk menjual kain yang rosak dengan menanggung risiko menggugat persahabatan dan kepercayaan Jamal terhadap dirinya. Pernahkah anda membuat keputusan yang berat seperti Palaniappan, di mana persahabatan dan kesetiaan anda terhadap seseorang teruji?
3. Cerita ini mendedahkan perbezaan perwatakan antara Palaniappan dengan Sivasu? Bagaimanakah hubungan mereka?
4. Sebelum 1990an, kekayaan Palaniappan diperolehi dengan bekerja sebagai agen penjualan bagi para penjual Jepun yang berniaga di Singapura. Bagaimanakah gambaran anda tentang keadaan Singapura ketika perniagaan Palaniappan sedang maju? Sewaktu Sivasu mengeluh "Ah – masa tersebut sudah berlalu," adakah kita dapat berasa empati terhadapnya?
5. Apakah perasaan yang tercetus dalam diri anda tentang tempat-tempat yang dinyatakan dalam cerita ini? Apakah yang dapat anda kongsi tentang nama jalan dan tempat-tempat yang dinyatakan?
6. Isteri Palaniappan, Hemalatha, sahaja yang menghadiri majlis perkahwinan anak mereka, Ramkumar. Apakah yang dapat kita fahami tentang hubungan Palaniappan dengan anak lelakinya?
7. Mengapakah Palaniappan enggan membuang komputer yang tidak mungkin dia gunakan?
8. Palaniappan dan Sivasu tidak banyak berbual sesama mereka. Mengapakah keadaan ini berlaku?
9. Palaniappan tidak membelanjakan wang yang diperolehi daripada penjualan kain itu. Anaknya, Ramkumar, menemui wang itu di dalam laci 10 tahun selepas kematian bapanya. Apakah pandangan anda tentang pengakhiran cerita ini? Mengapakah agaknya ia diakhiri dari sudut pandangan Ramkumar?
10. Menurut pendapat anda, bagaimanakah akhirnya Palaniappan melunaskan sewa kedainya?
11. Cerita ini tidak menjelaskan sama ada hubungan persahabatan Palaniappan dan Jamal terjejas akibat perbuatan Palaniappan menjual kain yang rosak kepada sahabatnya itu. Pada pendapat anda, bagaimanakah hubungan mereka selepas itu?
12. Apakah persoalan-persoalan yang tidak terjawab atau tidak jelas dalam cerita ini?
13. Walaupun kejujuran merupakan sikap unggul yang amat disanjung, Raja Yudhisthira tetap melanggarnya demi menyelamatkan ahli keluarganya sendiri. Jika ia berlaku pada diri anda, apakah pula tindakan yang akan diambil?
14. Apakah persamaan cerita ini dengan kisah epik dalam Mahabharata?